

## **Pendidikan Awal Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor**

SUHAILA NADZRI

Fakulti Pengurusan dan Muamalah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
suhaila.nadzri@kuis.edu.my

SUHAILY MD SHAMSUDIN

Fakulti Pengurusan dan Muamalah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
suhaily@kuis.edu.my

SITI SYUHADA ABD RAHMAN

Fakulti Pengurusan dan Muamalah,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
sitisyuhada@kuis.edu.my

AHMAD A'TOA' MOKHTAR

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
ahmadatoa@kuis.edu.my

AZRI RIZAL MD RAZALI

Fakulti Pengurusan dan Muamalah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
azririzal@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Solat merupakan kewajipan wajib yang perlu dilaksanakan lima kali sehari bagi umat Islam yang telah mencapai akil baligh. Namun dewasa ini masih terdapat umat Islam yang mengabaikan kewajipan solat ini sebagaimana yang diwajibkan. Keadaan ini telah mengundang kebimbangan dan keresahan banyak pihak khususnya para ibu bapa dan pendidik. Justeru, kertas kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka latar belakang pendidikan awal solat dalam kalangan remaja dan faktor-faktor yang mendorong dan tidak mendorong remaja untuk solat. Data diperoleh melalui temubual separa berstruktur terhadap 27 remaja di sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Data dianalisis menggunakan analisis tematik untuk mengenalpasti tema-tema yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat remaja yang telah didedahkan berkaitan pengetahuan solat seawal umur empat (4) tahun. Namun kebanyakannya mula belajar solat pada umur tujuh (7) tahun. Selain itu terdapat tujuh (7) tema faktor-faktor yang mendorong dan tidak mendorong remaja di Negeri Selangor untuk solat iaitu faktor keluarga, individu, sekolah dan guru, rakan sebaya, teknologi dan media massa, dan masjid. Dalam tema faktor ibu bapa didapati kategori ibu bapa memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan peringatan merupakan kategori paling banyak dinyatakan oleh partisipan dalam mempengaruhi mereka untuk solat. Justeru Ibu bapa

perlu memainkan peranan yang penting untuk memastikan anak-anak mereka menunaikan solat lima waktu dan menggalakan anak-anak solat berjemaah di rumah atau di masjid. Penyelidik juga mengharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan oleh pelbagai pihak terutamanya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan institusi pendidikan di negara ini untuk menyelesaikan isu solat di kalangan remaja di Selangor khususnya dan di negara ini amnya.

*Kata kunci: Remaja, Solat, Negeri Selangor, Pendidikan Awal*

## **PENGENALAN**

Pendidikan solat adalah satu bentuk pendidikan awal yang perlu ditekankan sebagai amalan kanak-kanak muslim seawal usia tujuh tahun sepertimana yang disarankan oleh Rasulullah S.A.W. Ini memandangkan amalan solat fardu adalah ibadat yang paling asas dalam agama Islam. Solat fardu juga merupakan salah satu daripada rukum Islam yang wajib ditunaikan oleh semua umat Islam yang waras, berakal dan telah baligh (Siti Zaleha et al, 2016; Sharifah Nur, 2012). Solat fardhu lima kali sehari semalam yang diwajibkan oleh Allah S.W.T. ini bertujuan memberi ruang dan peluang kepada manusia khususnya umat Islam untuk mengingati dan mendekatinya. Solat menjadi sangat penting dalam kehidupan umat Islam memandangkan ianya merupakan amalan yang mula-mula diperintahkan Allah SWT ke atas umat Islam dan ia juga merupakan amalan pertama yang dihisab di akhirat kelak. Allah SWT memerintahkan agar solat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dengan cara memelihara waktunya, menyempurnakan wuduknya dan melaksanakan setiap rukunnya (Hilmi, 2010).

Kepentingan mengerjakan ibadah solat ini ada ditegaskan dalam al-Quran melalui surah An-Nisa (4) ayat 103 yang bermaksud,

*“Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri, atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang beriman, yang tertentu waktunya.”*

Manakala firman Allah dalam al-Quran dalam surah Taha (20) ayat 132 pula menjelaskan, *“dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”*

Selain itu, firman Allah dalam ayat yang lain yang menunjukkan bahawa ibadat solat itu adalah satu perkara yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam adalah seperti berikut:

*“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan ruku'lah kamu semua (berjama'ah) bersama-sama orang yang ruku'.”*

Al-Baqarah (2): 43

*“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.”*

al-Baqarah (2): 21

Malah, semua makhluk di dunia ini diciptakan oleh Allah SWT untuk mengabdikan diri kepadaNya seperti yang disebut dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”*

Al-Zariyat (51):56

Setiap umat Islam perlu mengetahui tentang syarat wajib dan sah solat bagi memastikan solat yang dilakukan adalah sempurna dan tidak sia-sia. Setiap syarat mesti dipatuhi dan jika tertinggal salah satu daripada syarat tersebut maka tidaklah sah solat tersebut. Namun, selaras dengan Islam itu agama yang penyayang, kewajipan solat fardhu ini dikecualikan kepada dua golongan tertentu atas alasan-alasan seperti mengalami pengsan, gila sehingga terlepas waktu solatnya dan perempuan yang didatangi haid atau nifas (Hilmi, 2010).

Walaupun bagaimanapun, melihat kepada senario semasa, didapati terdapat pengabaian solat dalam kalangan remaja yang mana mereka tidak konsisten menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Ini diperkuatkan dengan dapatan kajian Sharifah Nur, 2012; dan Shukri Ahmad et al 2014 yang mendapati penghayatan solat masih rendah, pelaksanaan solat tidak dianggap penting di samping solat dianggap bukan keutamaan oleh golongan remaja. Selain itu tidak ramai pelajar yang mahu menunaikan solat secara berjemaah dan ada juga pelajar yang tidak menunaikan solat Jumaat (Juraimi & Md Sham, 2013). Punca ketidaksempurnaan pelaksanaan solat ini dikatakan berpunca dari kurangnya ilmu pengetahuan atau kefahaman berkaitan ibadah solat, kesedaran dan motivasi terhadap pelaksanaan solat dan terhakisnya rasa tanggungjawab untuk menunaikan kewajipan solat (Hasna *et. al.* , 2015). Lebih mendukacitakan lagi menurut Husna Bidin (2016) terdapat pelajar yang mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang solat tetapi tidak melaksanakan solat yang konsisten.

Seterusnya apabila remaja ini mengabaikan solat, ini akan mendedahkan mereka kepada keruntuhan akhlak yang membawa kepada penglibatan mereka dalam gejala sosial ( Ahmad Sabhi Osman 2002; Azizah Zakaria 2004; Mohd Suhardi Mat Jusoh 2004; Fariyah Hussain 2006; dan Shukri Ahmad 2014). Justeru, perhatian serius perlu diberikan kepada isu meninggalkan solat kerana masalah keruntuhan akhlak, gejala sosial, isu dadah, pembuangan bayi dan sebagainya adalah sebenarnya berpunca daripada sikap yang gemar meninggalkan solat tanpa rasa bersalah (Hasna *et. al.* 2015). Keadaan ini mengundang kebimbangan dan keresahan banyak pihak khususnya para ibu bapa dan pendidik.

Menyedari kepentingan solat dalam pembentukan akhlak dan budi pekerti mulia serta jati diri remaja, maka kajian ini dilaksanakan bagi mencapai beberapa matlamat. Melalui kajian ini, latar belakang didikan awal remaja tentang solat akan dibincangkan, faktor-faktor yang mendorong dan tidak mendorong kepada pelaksanaan solat fardhu dikenalpasti. Kajian ini memberi peluang kepada penyelidik untuk mencari jawapan kepada persoalan sejauhmana remaja Muslim di Selangor ini menitikberatkan amalan solat fardhu mereka sebagai umat Islam. Berikut diringkaskan objektif kertas kajian ini:

- 1) Mengkaji latar belakang pendidikan awal tentang solat dalam kalangan remaja Muslim di Selangor.
- 2) Meneroka faktor-faktor yang mendorong dan tidak mendorong remaja Muslim di Selangor untuk melaksanakan solat fardhu 5 waktu sehari semalam.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Keluarga**

Keluarga merupakan asas utama kepada pembentukan kehidupan remaja. Menurut Che Su dan Nan Zakiah (2014) pendidikan keluarga mampu membentuk remaja menjadi individu yang berguna atau sebaliknya. Sebaliknya remaja yang mempunyai masalah akhlak dan tingkah laku didapati berpunca daripada kurangnya didikan yang sempurna daripada keluarga (Zainuridin dan Norazmah, 2011).

Faktor ibu bapa merupakan faktor paling mempengaruhi remaja untuk solat dibandingkan faktor rakan sebaya dan media massa dalam mempengaruhi pelajar untuk melakukan solat sunat (Che Su dan Nan Zakiah 2014; dan Awang dan Abdul Kadir, 2009). Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Nur Faridah Abdullah@Zakaria (2016) yang juga mendapati faktor dominan yang mendorong remaja untuk solat adalah ibu bapa. Malah menurut Maharudin (2011) kesan pengaruh ibu bapa sangat kuat sehinggakan terdapat remaja yang solat kerana takut dimarahi ibu bapa mereka.

Sebaliknya pula didapati sekiranya ibu bapa tidak menunjukkan tauladan yang baik atau tidak menitik beratkan anak-anak mereka untuk solat ini sedikit sebanyak akan memberi kesan anak mereka tidak solat. Ini jelas sebagaimana dapatan Sharipah Nur Abu (2012) yang mendapati terdapat segelintir ibu bapa pelajar yang tidak pernah menunaikan solat tetapi hanya mengharap anak-anak untuk melaksanakannya. Malah kegagalan sistem kekeluargaan itu sendiri dalam mendidik anak-anak untuk melakukan solat akan menyukarkan guru untuk memberi tunjuk ajar kepada mereka. Dapatan ini selari dengan Muhamad Faizal A. Ghani et. all (2017) mendapati ibubapa kurang menjadi '*role model*' menyebabkan anak-anak mereka tidak solat.

### **Sekolah dan Guru-Guru**

Salah satu cara meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap solat ialah melalui pendidikan. Sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan yang biasanya ditubuhkan untuk menyampaikan ilmu dan melahirkan pelajar yang intelek dan positif. Hubungan dan interaksi antara pelajar dengan pelajar atau antara pelajar dengan guru biasanya berlaku di sekolah. Selain di rumah, sekolah juga berperanan dalam membentuk watak dan pemikiran juga membina karakter seorang pelajar. Pendidikan nilai-nilai murni melalui sekolah dan guru-guru didapati lebih berkesan kepada pelajar-pelajar kerana mereka menggunakan kaedah pembelajaran yang formal dan sistematik (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010).

Di sekolah wujud beberapa program seperti Program Amali Solat, Kem Bestari Solat dan Perlaksanaan Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang sedikit sebanyak dapat melahirkan generasi yang konsisten melaksanakan perintah Allah (Asmawati dan Lukman 2011). Dapatan ini diperkuatkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Kamarul Hazani Yusof (2011) yang mendapati maklumbalas daripada pelajar mengatakan bahawa Program Amali Solat penting untuk mereka serta banyak membantu mereka untuk melaksanakan solat secara konsisten di rumah.

Selain itu peranan yang dimainkan oleh guru juga tidak terkecuali dalam mempengaruhi remaja untuk solat. Menurut Sharifah Nur Abu (2012) pelajar menyatakan guru sering mengingatkan mereka untuk solat dengan sempurna disamping menuntut ilmu yang menyebabkan mereka bermotivasi untuk menjaga solat. Malah menurut Nur Faridah Abdullah@Zakaria (2016) faktor kedua tertinggi yang mendorong remaja untuk solat adalah

faktor guru di mana pentingnya bimbingan yang berterusan terhadap pelajar tidak terbatas hanya pada waktu pengajaran dan pembelajaran sahaja.

Justeru disebabkan peranan yang besar yang dimainkan oleh sekolah dan guru-guru maka Muhammad Faizal A. Ghani (2017) menjelaskan sekolah perlu mengalakan solat berjemaah dan sunat, meningkatkan kursus solat dan kesedaran pentingnya solat dan menyediakan borang muhasabah diri kepada pelajar.

## **Individu**

Menurut Maharudin (2011) melalui temubual dengan remaja mendapati faktor diri sendiri remaja yang mendorong mereka melakukan ibadah solat kerana minat mereka dalam melaksanakan ibadah dan bukan kerana unsur paksaan tetapi kerana keyakinan sebagai seorang muslim. Manakala bagi remaja yang tidak berminat menunaikan solat didapati kerana hatinya belum terbuka untuk menunaikan solat.

Selain itu terdapat juga pelajar yang kurang berminat terhadap kursus pendidikan Islam yang diajar di sekolah yang menyebabkan mereka tidak mengamalkan sepenuhnya teori yang dipelajari dalam Pendidikan Islam dalam kehidupan sehari mereka malah ada juga pelajar yang cuba lari dari kelas ajaran agama dan penghayatan Islam (Seri Kartini Juraimi & Fariza Md Sham, 2013). Apabila pelajar ini kurang minat terhadap kursus yang dipelajari ini memberi kesan kepada pengetahuan mereka berkaitan solat dan akhirnya pelajar tidak menunaikan solat kerana tidak tahu mengerjakan solat (Muhammad Faizal A. Ghani et. al 2017). Malah terdapat juga Segelintir pelajar menganggap solat itu sebagai perkara yang remeh (Sharifah Nur, 2012) dan ada yang tidak berminat pun untuk mengetahui secara mendalam tentang kelebihan dan hikmah yang diperolehi dengan melakukan solat yang sempurna. Maka kejahilan ini yang membuatkan mereka kurang berminat melaksanakan solat (Sharifah Nur, 2012).

Bukan itu sahaja malah sikap pelajar atau remaja itu sendiripun mempengaruhi mereka untuk solat ataupun tidak. Menurut Shukri Ahmad et. al (2014) faktor dominan pelajar meninggalkan solat kerana sikap malas diri sendiri malah terdapat dikalangan pelajar universiti yang tidak menitikberatkan amalan solat dalam kehidupan mereka. Justeru pengabaian solat itu menyebabkan masjid dan surau-surau universiti menjadi lapang dan kosong setiap kali solat fardu mahupun ketika program kuliah-kuliah agama diadakan.

Selain itu pelajar-pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin juga didapati mengabaikan solat. Ini jelas menurut Muhammad Faizal A. Ghani et. al (2017) pelajar yang mempunyai masalah disiplin di sekolah kurang timbul perasaan bersalah apabila tidak solat

## **Masjid**

Masjid adalah tempat yang suci dan paling mulia di muka bumi ini menurut umat Islam. Kedudukan dan martabatnya adalah sangat tinggi di sisi Allah SWT (Mohd Kamel, 2009) sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah at-Taubah (9) ayat 18 yang bermaksud:

*“ hanyayasanya yang layak memak’murkan (menghidukannya) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat pertunjuk.”*

Menurut Shukri Ahmad et al. (2014) solat mempunyai hubungan rapat dengan peranan dan fungsi masjid. Ini kerana masjid adalah tempat menunaikan solat. Jika orang Islam mengerjakan solat dan ia dikerjakan pula di masjid secara berjemaah, maka mereka telah melaksanakan dua perkara utama iaitu mewujudkan rasa takut kepada Allah dan melaksanakan fungsi masjid sebagai pengawal kemungkar sosial.

Masjid berperanan bukan sahaja dalam menggalakkan masyarakat untuk bersolat malah ia sepatutnya dijadikan sebagai Pusat Sehenti atau *One Stop Centre* di mana komuniti dan masyarakat setempat boleh mendapat pelbagai kemudahan dan prasarana yang berkaitan di masjid. Inisiatif ini perlu dilaksanakan bagi menggalakkan masyarakat hadir dan seterusnya sentiasa berusaha untuk mengimarahkan masjid (Arifin dan Shukeri, 2012). Masjid sepatutnya dijadikan pusat pelbagai guna dimana ianya bukan sahaja menjadi tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk ibadah seperti solat berjemaah tetapi juga boleh dilaksanakan aktiviti-aktiviti lain seperti aktiviti pendidikan, kemasyarakatan, pentadbiran, kesukanan dan keusahawanan di dalam kawasan masjid (Hydzulkifli et. al, 2015).

Masjid juga dikatakan menjadi lambang kepada wujudnya sesebuah komuniti Islam dalam sesuatu kawasan dan ianya dikatakan merupakan institusi yang paling hampir dengan masyarakat Islam. Masjid yang sentiasa aktif dan kerap diimarahkan dengan pelbagai aktiviti juga meriah dengan kunjungan masyarakat setempat khususnya memberi gambaran positif tentang nilai kefahaman dan pengamalan ajaran Islam terutamanya solat dalam kalangan komuniti di persekitaran masjid tersebut (Hydzulkifli et. al. 2015).

Namun, terdapat persepsi masyarakat yang menganggap masjid itu hanya sebagai pusat beribadat semata-mata dan disebabkan pengurusan dana yang tidak efisien maka tidak banyak aktiviti-aktiviti yang dapat dijalankan di masjid dan ini menyebabkan tidak ramai dalam kalangan masyarakat setempat yang datang berkunjung ke masjid-masjid tersebut (Hydzulkifli et. al. 2015). Ini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Shukri Ahmad et al (2014) di mana tahap pengimarahkan masjid di kalangan remaja di Universiti Utara Malaysia (UUM) amatlah rendah. di mana pelajar-pelajar tahun satu hingga tahun akhir ini jarang datang ke masjid untuk menunaikan solat berjemaah. Justeru adalah penting selain menjadi tempat ibadah masjid perlu dimakmurkan dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan untuk menggalakan masyarakat terutamanya remaja untuk datang ke masjid. Selain itu dalam kajian yang lain yang dilakukan oleh Abdul Munir Ismail (2017) di surau-sarau sekolah didapati inovasi dan keceriaan surau-sarau di sekolah mampu meningkatkan minat para pelajar untuk solat berjemaah dan mengimarahkan surau-sarau yang terdapat di sekolah-sekolah menengah di Seluruh Malaysia.

Justeru pengkaji berpendapat masjid-masjid perlu aktif untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan program untuk menarik remaja datang ke masjid mengikuti program-program tersebut di samping akhirnya memberi kesan kepada mereka untuk cinta kepada masjid dan akhirnya sentiasa menunaikan solat berjemaah di surau atau masjid.

## **Teknologi dan Media Massa**

Media massa yang merujuk kepada teknologi media sama ada ianya berbentuk tradisional, konvensional atau media sosial dan digital sebenarnya adalah terdiri daripada alat sebaran am yang digunakan untuk mencapai sejumlah besar pengguna melalui komunikasi massa. Teknologi melalui komunikasi ini merangkumi tiga cara iaitu media siaran, media cetak, media luaran dan media digital (Mohd Hamdan 2015)

Akibat daripada corak pemikiran, budaya, sifat dan sikap juga hubungan sosial yang berbeza-beza antara individu maka didapati bahawa pengaruh media massa juga adalah berbeza-beza dari satu individu kepada individu yang lain dan ianya mungkin positif dan

mungkin juga negatif (Sohana, 2016). Daripada sudut negatifnya, teknologi terkini yang sepatutnya membantu menambah baik sistem sosial masyarakat dilihat telah melahirkan satu jurang komunikasi antara sesama manusia. Ramai remaja dilihat tidak lagi mampu berkomunikasi dengan baik dengan ibu bapa, guru, pemimpin, sanak saudara dan jiran tetangga. Pembangunan teknologi ini secara sedar atau tidak sedar sebenarnya mendatangkan keburukan kepada alam dan manusia (Muhammad Hilmi & Mohd Yusof, 2017). Penggunaan internet boleh membawa kepada ketagihan dan akhirnya menjadi punca kepada kurangnya masa berkomunikasi dengan ahli keluarga. Ditambah dengan terciptanya telefon selular dan komputer yang mempunyai akses kepada Internet menjadikan komunikasi bersemuka semakin dilihat kurang penting dalam masyarakat khususnya remaja. Ibu bapa bukan lagi menjadi sumber utama rujukan anak-anak kerana maklumat boleh diperolehi daripada sumber internet dan rakan-rakan atas talian (Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim, 2014).

Dari sudut positifnya, media elektronik dan Internet satelit berkembang dengan pesat dapat membantu para pengguna untuk mendapatkan berita atau sebarang maklumat dengan begitu pantas sekali tidak kira di mana pengguna berada dan pada bila-bila masa sahaja (Mohd Hamdan, 2015). Malah majoriti remaja mempunyai persekitaran media seperti akhbar, radio juga televisyen dan yang terkini telefon pintar dan internet yang dapat membantu mereka memperolehi pelbagai maklumat termasuklah mempelajari solat melalui *You Tube*, enjin carian Google dan sebagainya. Namun, kebanyakan remaja yang berprestasi lemah banyak menghabiskan masa dengan menonton dan membaca berita, cerita dan program berorientasikan hiburan dan tidak banyak memberi penumpuan kepada rancangan keagamaan (Samsudin, 2008), serta ada juga yang melakukan perkara-perkara yang tidak sihat (Azlina, 2012). Selain itu, apabila remaja menjadi semakin leka dengan rancangan-rancangan hiburan tersebut sudah tertentu berlakunya pengabaian solat dan akibatnya mereka mudah terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang meruntuhkan akhlak (Norizah et. Al. 2016).

## **Rakan Sebaya**

Menurut Shukri Ahmad et. al (2014) pengaruh rakan merupakan antara faktor yang berupaya mempengaruhi remaja untuk tidak melaksanakan solat fardhu lima waktu sehari semalam. Manakala menurut Nur Faridah Abdullah@zakaria (2016) pelajar mencontohi rakan yang sentiasa menunaikan solat. Daripada dapatan Nur Faridah (2016) dan Shukri Ahmad et. al (2014) ini pengkaji dapat merumuskan di sini faktor rakan dikenali sebagai faktor yang boleh mempengaruhi remaja untuk solat atau sebaliknya.

Remaja perlu pandai memilih rakan dalam pergaulan kerana peribadi rakan mampu mencerminkan diri seseorang (Anuar 2012) sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah al-Kahfi (18) ayat 28 yang bermaksud:

*“Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharap keredhaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al Qur’an, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkahlakunya pula adalah melampaui kebenaran.”*

Surah al-Kahfi (18); 28)

Ayat ini mengingatkan manusia supaya sentiasa bersahabat dengan orang-orang yang sentiasa melakukan ibadat dan sentiasa berusaha ke arah kebaikan.

Remaja yang mempunyai keyakinan diri yang rendah dan lemah akhlakunya mudah terpengaruh untuk melakukan tindakan salah laku jika mereka tersalah memilih rakan. Bagi memastikan golongan remaja ini memilih rakan yang baik maka ibu bapa dan para pendidik berperanan dalam membantu remaja memilih rakan yang betul (Abdullah Nasih Ulwan, 1988).

## **SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN**

Kertas kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan di mana partisipan dipilih dalam kalangan remaja yang berumur tiga belas (13) tahun hingga dua puluh (25) tahun di sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Kajian ini juga menggunakan pendekatan analisis dokumen dan temubual separa berstruktur di mana hanya soalan-soalan utama yang dibentuk dan sub-sub soalan lainnya adalah bergantung kepada jawapan partisipan. Pendekatan bersemuka dengan remaja adalah dikatakan lebih sesuai untuk tujuan pengumpulan data dimana maklumbalas dapat diterima secara langsung daripada partisipan (Husin, 2011).

Selain itu, untuk kesahan soalan temubual soalan-soalan yang telah dibentuk dihantar kepada panel pakar bidang yang berkaitan dan kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Kaedah kualitatif ini digunakan selari dengan objektif kajian ini untuk meneroka secara mendalam berkaitan latar belakang pendidikan awal remaja berkaitan solat dan faktor-faktor yang mendorong amalan solat mereka. Maklumat yang dikumpulkan seharusnya berupaya menyelami perasaan, ekspresi, keikhlasan dan kejujuran remaja dalam memberi jawapan ketika sesi temubual. Data temubual ditranskrip dan dianalisa menggunakan analisis tematik untuk membentuk tema-tema yang berkaitan yang selari dengan objektif kertas kajian ini.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi Partisipan Kajian**

Kajian ini melibatkan partisipan yang terdiri dari 27 orang remaja Muslim mewakili sembilan daerah di negeri Selangor.

**Jadual 1: Profil Ringkas Peserta Kajian di Selangor**

<b>Partisipan n=27</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Daerah</b>	<b>Umur</b>	<b>Jantina</b>
R1	Bandar Seri Putra, Kajang	Hulu Langat	16	Perempuan
R2	Taman Impian Putra	Hulu Langat	16	Perempuan
R3	Bandar Bukit Mahkota	Hulu Langat	16	Perempuan
R4	Bandar Tasik Kesuma, Beranang	Hulu Langat	17	Lelaki
R5	Bandar Kinrara, Puchong	Petaling	17	Perempuan
R6	Bandar Kinrara, Puchong	Petaling	14	Lelaki
R7	Shah Alam	Petaling	24	Perempuan
R8	Puchong	Petaling	17	Perempuan



R9	Klang	Klang	17	Lelaki
R10	Gombak	Gombak	23	Perempuan
R11	Gombak	Gombak	24	Perempuan
R12	Gombak	Gombak	23	Perempuan
R13	Bandar Baru Bangi	Hulu Langat	17	Perempuan
R14	Sabak Bernam	Sabak Bernam	18	Perempuan
R15	Sabak Bernam	Sabak Bernam	18	Perempuan
R16	Bandar Sijangkang	Kuala Langat	16	Lelaki
R17	Taman Baiduri, Sepang	Sepang	17	Perempuan
R18	Gombak	Gombak	17	perempuan
R19	Shah Alam	Petaling	15	Lelaki
R20	Taman Dengkil Jaya	Sepang	15	Lelaki
R21	Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang	Klang	15	Perempuan
R22	Shah Alam	Petaling	15	Perempuan
R23	Petaling Jaya	Petaling	17	Perempuan
R24	Klang	Klang	16	Perempuan
R25	Shah Alam	Petaling	18	Perempuan
R26	Tanjung Karang	Kuala Selangor	14	Perempuan
R27	Bangi	Hulu Langat	18	Perempuan

**Jadual 2 : Taburan Jantina Peserta Kajian di Selangor**

Jantina Partisipan	Bilangan Partisipan	Peratusan (%)
Lelaki	6	22
Perempuan	21	78
Jumlah	27	100.00

**Jadual 3: Taburan Peserta Kajian Mengikut Daerah di Selangor**

Daerah	Bilangan Partisipan	Peratusan (%)
Hulu Langat	6	22
Kuala Langat	1	4
Kuala Selangor	1	4
Petaling	8	30
Klang	3	11
Sepang	2	7
Gombak	4	15
Sabak Bernam	2	7
Jumlah	27	100.00

**Jadual 4 : Taburan Umur Peserta Kajian di Selangor**

<b>Umur Partisipan</b>	<b>Bilangan Partisipan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
14	2	7
15	4	15
16	5	19
17	8	30
18	4	15
23	2	7
24	2	7
<b>Jumlah</b>	<b>27</b>	<b>100.00</b>

Jadual 1 hingga 4 di atas menunjukkan butiran ringkas tentang remaja yang telah ditemubual. Secara ringkasnya terdapat 27 orang remaja telah dipilih yang bersedia untuk menyumbang maklumat kepada kajian. Partisipan adalah terdiri daripada 6 orang lelaki (22%) dan 21 orang perempuan (78%). Mereka terdiri dari remaja yang berumur 14 tahun (7%), 15 tahun (15%), 16 tahun (18%), 17 tahun (30%), 18 tahun (15%), 23 tahun (7%) dan 24 tahun (7%). Daerah yang diperolehi untuk kajian rintis ini adalah Hulu Langat (22%) , Petaling (30%), Klang (11%), Gombak (15%), Sabak Bernam (7%), Sepang (7%), Kuala Selangor (4%) dan Kuala Langat (4%).

Peserta kajian terdiri daripada 27 orang remaja Muslim yang dipilih dari sembilan daerah di Selangor. Dapatan analisa temubual partisipan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian termasuk maklumat ringkas partisipan, latar belakang pendidikan awal tentang solat para remaja, faktor-faktor yang mendorong remaja untuk melaksanakan solat fardhu dan faktor yang paling dominan yang mendorong remaja untuk melaksanakan solat fardhu.

### **Objektif 1: Meneroka latar belakang pendidikan awal tentang solat dalam kalangan remaja Muslim di Selangor**

Objektif pertama kajian ini adalah untuk meneroka latarbelakang kepada pendidikan awal remaja tentang solat. Partisipan telah diminta untuk menceritakan tentang sejarah mereka mendapat didikan awal tentang solat fardhu. Hasil analisis temubual, telah menghasilkan tiga tema yang dapat menjelaskan beberapa perkara bagi menunjukkan tentang pola pendidikan awal remaja tersebut. Tema dibahagikan kepada tiga iaitu seawal umur berapa mula mendapat didikan awal tentang solat, dari mana dapat didikan awal tentang solat dan bagaimana cara mendapat didikan awal tentang solat. Ringkasan kepada hasil dapatan tentang sejarah didikan awal remaja tentang solat ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah:

**Jadual 5 : Tema dan sub tema umur ketika mula belajar tentang solat, tempat didikan awal, dan cara mendapat didikan awal.**

<b>Tema</b>	<b>Sub Tema</b>	<b>Kekerapan</b>
<b>Umur mula belajar solat</b>	4 tahun	2
	5 tahun	6
	6 tahun	5
	7 tahun	10
	8 tahun	2
	10 tahun	2
<b>Tempat mula</b>	Rumah	25

<b>belajar solat</b>	Sekolah Rendah Kebangsaan	11
	Sekolah Rendah Agama	2
	KAFA	5
	Kem Bestari Solat/Program Amali Solat	5
	Tadika	2
	Masjid	1
<b>Cara</b>	Keluarga	25
<b>bagaimana</b>	Cikgu	11
<b>mula belajar</b>	Program amali solat	5
<b>solat</b>	Pembacaan dari buku-buku solat	4
	Solat berjemaah	3

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa prihatin terhadap pendidikan solat anak-anak mereka. Anak-anak telah diberi didikan tentang solat seawal umur 4 tahun lagi. Hasil analisis menunjukkan terdapat seramai 7% partisipan menerima didikan tentang solat ketika berusia 4 tahun, seramai 23% ketika berusia 5 tahun, 19% ketika berusia 6 tahun, 37% ketika berusia 7 tahun, 7% ketika berusia 8 tahun dan terdapat juga partisipan ketika berusia 10 tahun (7%) baru mendapat didikan tentang solat.

Didikan awal tentang solat oleh kebanyakan partisipan bermula dari rumah masing-masing (93%). Ada di antara partisipan yang mendapat didikan awal tentang solat ketika berada di sekolah tadika (19%) dan apabila mencecah umur 7 tahun, kebanyakan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah dan ketika ini guru-guru pula membantu menambah pengetahuan partisipan tentang solat fardhu. Ketika mencecah umur 7 tahun, partisipan mula diajar lebih mendalam tentang solat samada dari sekolah rendah kebangsaan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam (41%), atau melalui silibus yang diajar di Sekolah Agama Rendah (SAR) (19%). Ada diantara partisipan yang mengikuti kem amali solat seperti Kem Bestari Solat (7%), ada juga yang dihantar ke sekolah KAFA (7%). Terdapat partisipan yang mula berminat belajar tentang solat setelah melihat orang lain solat berjemaah di masjid (4%). Kebanyakan dari partisipan mendapat didikan dari keluarga mereka sendiri (93%), selain itu didikan awal juga diperolehi daripada guru-guru di sekolah-sekolah tertentu (41%), program amali di sekolah (19%), buku-buku tentang solat dan akhir sekali solat berjemaah (11%).

Bagi tema cara bagaimana mula mendapat didikan awal tentang solat, hasil analisis temubual menunjukkan terdapat beberapa cara partisipan mendapat didikan awal tentang solat iaitu melalui cikgu di sekolah, melalui keluarga, melalui program amali di sekolah, melalui pembacaan buku-buku tentang solat dan juga melalui solat berjemaah. Cara-cara tersebut diperincikan lagi kepada pembinaan kategori seperti dalam Jadual 6 di bawah:

**Jadual 6: Tema dan Sub Tema mendapat didikan awal solat melalui keluarga, cikgu, program amali, pembacaan buku-buku dan amalan solat berjemaah.**

<b>Tema</b>	<b>Kategori</b>	<b>Bilangan Partisipan</b>
<b>Keluarga</b>	• ibu bapa sama-sama beri tunjuk ajar	13
	• bapa yang beri tunjuk ajar	2
	• ibu yang beri tunjuk ajar	10
		1

	• Keluarga hantar ke sekolah beragama di kampung	4
	• Kakak bantu beri tunjuk ajar	2
	• Nenek beri tunjuk ajar	
<b>Cikgu</b>	• Cikgu di sekolah kebangsaan dalam subjek pendidikan Islam	11
	• Cikgu di sekolah agama atau ustaz/ustazah di dalam kelas di sekolah	5
	• Cikgu di tadika ketika di dalam kelas	5
	• Cikgu di KAFA ketika di dalam kelas	2
	• Cikgu selalu ingatkan tentang balasan kalau tidak solat	1
<b>Program Amali Solat</b>	• Kem Bestari Solat	3
	• Belajar secara amali di surau sekolah dalam waktu kokurikulum	1
	• Cikgu ajar secara praktikal	1
<b>Pembacaan Buku-buku</b>	• Buku solat dari kem bestari solat	1
	• Buku dari cikgu sekolah	1
	• Buku solat yang keluarga beli	2
<b>Amalan Solat Berjemaah</b>	• Ibu bapa solat tunjuk mereka solat berjemaah di rumah dan ajak solat jemaah bersama	2
	• Memerhati dan mengikut solat berjemaah di masjid	1

### **Objektif Kedua: Meneroka faktor-faktor yang mendorong remaja Muslim di Selangor untuk melaksanakan solat fardhu 5 waktu sehari semalam**

Melalui analisis temu bual yang dijalankan, beberapa tema dan sub tema dapat dikenalpasti yang mampu menjelaskan tentang faktor-faktor kepada pelaksanaan amalan solat fardhu dalam kalangan remaja di Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa tema faktor-faktor ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu faktor positif dimana ianya berkaitan faktor-faktor yang mendorong dan faktor negatif yang merangkumi faktor-faktor yang tidak mendorong para remaja Muslim di Selangor untuk mengamalkan solat fardhu cukup 5 waktu sehari semalam. Secara umumnya faktor-faktor yang dikenalpasti termasuklah faktor keluarga, sekolah dan guru, individu, masjid dan surau, rakan sebaya, komuniti setempat dan media massa. Terdapat dua faktor utama atau dengan nama lain dipanggil sebagai tema utama iaitu faktor positif dan faktor negatif yang mempengaruhi remaja Muslim di Selangor untuk melaksanakan solat fardhu. Sub tema dan kekerapan setiap sub tema itu dinyatakan oleh partisipan ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah:

**Jadual 7 : Tema dan Sub Tema Faktor Positif**

<b>Tema</b>	<b>Sub Tema</b>	<b>Kekerapan</b>
<b>Keluarga</b>	• Ibu bapa beri bimbingan, tunjukajar, nasihat, peringatan	20
	• Ibu bapa bimbing secara praktikal – betulkan cara solat	2
	• Ibu bapa solat berjemaah	9
	• Ibu bapa tegas dalam hal solat/ibu bapa suruh menyegerakan	5

	solat	
	• Ibu beri tunjukajar dan nasihat/ibu tegas dalam hal solat	7
	• Ibu suruh solat berjemaah	2
	• Ayah imam masjid	1
	• Nenek beri tunjukajar dan nasihat/arwah atuk beri tunjukajar dan nasihat	3
	• Kakak beri tunjukajar dan nasihat	2
	• Solat berjemaah di rumah	7
<b>Sekolah dan guru</b>	• Cikgu sebagai <i>backup</i> ibu bapa	1
	• Cikgu bercerita kisah para nabi – beri keinsafan	1
	• Cikgu beri bimbingan, tunjukajar dan nasihat	14
	• Ceramah cikgu yang 'sempoi' menarik minat untuk dengar tentang solat	1
	• Belajar solat dalam matapelajaran Pendidikan Islam	5
	• Ada amali solat/belajar solat di surau sewaktu kokurikulum	5
	• Cikgu buat sistem ' <i>reporting</i> '/amalkan konsep denda pada yang tidak solat	2
	• Cikgu solat bersama-sama murid/solat berjemaah di sekolah	9
	• Selalu nampak cikgu ke surau bersolat/tunjuk tauladan yang baik	2
	• Suasana sekeliling sekolah yang Islamik/budaya sekolah yang positif solat	2
<b>Diri Sendiri</b>	• Fikirkan umur semakin meningkat	1
	• Pilih jalan yang betul	2
	• Sedar tanggungjawab dan kewajipan bersolat	11
	• Hati jadi tenang bila bersolat	6
	• Keinginan sendiri untuk solat/inisiatif sendiri untuk perbaiki solat	6
	• Tahu solat banyak manfaat	1
<b>Masjid/surau</b>	• Surau berdekatan rumah/nampak masjid timbul rasa hendak solat	2
	• Masjid aktif dengan pelbagai program/program yang diadakan di masjid galakkan remaja belajar lebih lagi tentang solat/ceramah menarik	6
<b>Rakan Sebaya</b>	• Rakan yang positif dan baik/rakan beri nasihat dan ingatkan untuk solat	9
	• Rakan ajak solat berjemaah	5
<b>Teknologi dan Media Massa</b>	• Televisyen – program tanah kubur, dai, halaqah, saluran oasis di astro – media elektronik/	15
	• ceramah/program di tv dengan gaya sempoi/santai sampaikan tentang cara solat yang betul	2
	• Baca maklumat tentang solat melalui internet / maklumat solat dalam <i>Facebook</i> / membaca maklumat tentang solat melalui telefon bimbit– media digital	8
	• Artikel dan gambar yang menarik tentang solat	1
	• Paparan tentang kebaikan, kepentingan, hukum dan balasan berkaitan solat di media massa	1

**Jadual 8 : Tema dan Sub Tema Faktor Negatif**

<b>Tema</b>	<b>Kategori</b>	<b>Jumlah Partisipan</b>
<b>Keluarga</b>	• Tiada ruang khas untuk bersolat di rumah – jika ada ruangan khas – nampak sejadah timbul rasa hendak solat	1
	• Tiada solat berjemaah di rumah/kadang-kadang sahaja solat berjemaah di rumah/solat berjemaah hanya bila saudara datang ke rumah	2
	• Solat sebab ahli keluarga paksa	1
	• Ibu tidak tunjuk contoh yang baik - kadang-kadang lambat bersolat/kurang galakan dari ibu	1
	• Ayah kerja balik lewat/tidak tentu masa	2
	• Keluarga tidak memberi galakan untuk solat fardhu berjemaah di masjid/ayah tidak selalu ke masjid	3
	• Ayah kerja tidak tentu masa menjadikan sukar untuk solat berjemaah di rumah	1
<b>Sekolah dan guru</b>	• Kelas tambahan - balik lewat	1
	• Kerja sekolah terlalu banyak buat tidak solat	2
	• Aktiviti di sekolah banyak sampai tidak solat/sibuk dengan aktiviti kokurikulum sehingga tidak solat	3
	• Program amali solat tidak selalu dibuat di sekolah	1
<b>Diri Sendiri</b>	• Solat ikut 'mood'/rasa liat untuk solat/ <i>Mindset</i> untuk solat tidak mantap	4
	• Merasakan solat itu tidak penting	1
	• Sikap - Malas	2
	• Tidak mahu menerima teguran ibu bapa	2
	• Kadang2 sahaja solat berjemaah	2
	• Tidak ada rasa bersalah tinggalkan solat	1
	• Tidak tahu maksud al-fatihah	1
<b>Masjid/surau</b>	• Aktiviti di masjid tidak menarik minat remaja	2
	• Suasana masjid di kampung kurang menarik	1
	• Ceramah tidak melibatkan ustaz tersohor/ tidak cukup <i>budget</i>	1
<b>Rakan Sebaya</b>	• Hanya orang-orang tua sahaja datang masjid	1
	• Rakan-rakan tidak cukup solat 5 waktu	2
	• Rakan-rakan tidak ajak ke masjid	1
	• Sibuk dengan aktiviti luar bersama rakan-rakan sehingga leka dan tidak solat	2
<b>Teknologi dan Media Massa</b>	• Leka menonton tv sehingga tidak sedar waktu solat/leka bermain dengan telefon mudah alih sehingga tidak solat	8
	• Ketagihan	3
	• Jadi malas untuk solat bila leka tengok tv atau main telefon mudah alih	2
	• Media cetak surat khabar tidak diminati remaja	1
	• Akses internet bukan untuk cari maklumat tentang solat tetapi lebih kepada hiburan/selalu abaikan maklumat tentang solat	3

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat dua faktor yang mendorong remaja untuk melaksanakan solat fardhu. Faktor-faktor tersebut dibahagikan kepada faktor positif dan faktor negatif.

Analisis tematik mendapati faktor-faktor positif yang mendorong remaja untuk mengamalkan solat fardhu terdiri daripada keluarga, diri sendiri, rakan sebaya, guru dan sekolah, masjid dan surau dan media massa. Dalam Tema faktor ibu bapa antara maklumbalas partisipan paling tinggi iaitu sebanyak 20 partisipan menyatakannya adalah bagi sub tema 'ibu bapa itu sendiri yang memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat' secara langsung kepada remaja yang menyebabkan mereka melaksanakan solat. Dapatan ini selari dengan dapatan Che Su Mustaffa dan Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014); dan Maharudin (2011) yang juga mengaitkan bimbingan dan tunjuk ajar serta nasihat ibu bapa mempengaruhi anak-anak untuk melakukan solat lima kali sehari. Bagi tema negatif faktor ibu bapa pula didapati sub tema yang paling menyebabkan remaja tidak mengerjakan solat adalah faktor 'keluarga tidak memberi galakan untuk solat fardhu berjemaah di Masjid atau ayah tidak selalu ke masjid'. Dapatan ini selari dengan Muhammad Faizal A. Gani et. al (2017) yang menyatakan ibu bapa memainkan peranan menjadi *role model* kepada anak-anak sekiranya ibu bapa tidak mengerjakan solat, anak-anak akan turut mengikuti dan bergitu sebaliknya.

Manakala bagi tema positif faktor sekolah dan guru pula bagi sub tema yang paling tinggi dinyatakan oleh partisipan adalah sub tema 'cikgu beri bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat' dimana terdapat 14 partisipan menyatakannya. Dapatan ini selari dengan Sharifah Nur Abu (2012). Ini bermaksud peranan guru dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat tidak boleh diketepikan memandangkan peranan mereka sangat besar dalam mempengaruhi remaja untuk solat. Malah guru adalah insan kedua yang rapat dengan remaja selain ibu bapa di rumah. Bagi tema negatif faktor sekolah dan guru pula adalah sub tema 'aktiviti di sekolah banyak sampai tidak solat atau sibuk dengan aktiviti kokurikulum sehingga tidak solat'. Dapatan ini menunjukkan adalah penting pihak sekolah terutamanya guru-guru sentiasa mengingatkan pelajar untuk solat walaupun sibuk melakukan latihan dan aktiviti di sekolah. Adalah penting bila tiba masa masuknya waktu azan solat guru-guru yang terlibat memberhentikan aktiviti dengan membawa pelajar-pelajar menunaikan solat.

Bagi tema positif faktor diri sendiri pula sub tema yang paling banyak dinyatakan oleh partisipan adalah sub tema 'sedar tanggungjawab dan kewajipan'. Dapatan ini selari dengan Maharudin (2011) di mana sikap kesedaran remaja itu sendiri yang akan mempengaruhi dia untuk solat ataupun tidak. Remaja yang ada kesedaran diri akan tanggungjawab sebagai umat Islam dia akan mengerjakan solat tanpa perlu disuruh atau dipaksa. Manakala bagi tema faktor negatif diri sendiri sub tema yang paling tinggi adalah 'solat ikut mood/ rasa liat untuk solat/*mindset* untuk solat tidak mantap.' Dapatan ini menyamai dapatan kajian oleh Shukri Ahmad et. al (2014).

Seterusnya bagi tema faktor positif Masjid pula sub tema yang paling tinggi dijelaskan oleh partisipan adalah sub tema 'masjid aktif dengan pelbagai program dan program yang diadakan itu mengalakan remaja belajar lebih lagi tentang solat dan ceramah yang menarik'. Ini jelas bahawa peranan masjid tidak boleh dipinggirkan dalam kemampuannya untuk menarik remaja untuk terus konsisten datang solat berjemaah di masjid selain kerana aktiviti menarik yang dijalankan oleh pihak masjid. Dapatan ini selari dengan apa yang dicadangkan oleh Ariffin Mamat

dan Shukeri Mohamad (2012) dalam kajiannya. Manakala bagi tema negatifnya pula sub tema 'aktiviti masjid tidak menarik minat remaja untuk datang solat berjemaah di masjid' yang menjadi punca remaja tidak menunaikan solat di masjid.

Bagi tema positif faktor rakan sebaya pula sub tema paling tinggi adalah 'rakan yang positif dan baik dan rakan beri nasihat dan ingatkan untuk solat'. Sebaliknya sub tema faktor negatif adalah rakan tidak cukup solat lima waktu dan sibuk dengan aktiviti luar bersama rakan-rakan sehingga leka dan tidak solat. Dapatan ini selari dengan Nur Faridah Abdullah@Zakaria (2016) dan Shukri Ahmad et al (2014) Justeru jelas di sini remaja perlu pandai memilih kawan kerana kawan yang baik akan membawa kita turut melakukan perkara yang baik termasuk solat.

Akhir sekali bagi tema faktor positif teknologi dan media massa didapati sub tema 'program-program menarik tentang solat yang disiarkan melalui televisyen seperti program tanah kubur, halaqah dan dai', saluran oasis di astro' yang mempengaruhi remaja untuk solat. Di mana daripada 27 jumlah partisipan yang ditemubual 15 orang daripadanya menjawab program-program ini sangat memberikan kesedaran kepada mereka untuk melaksanakan solat. Manakala sub tema negatif pula adalah 'leka menonton televisyen atau bermain dengan telefon mudah alih sehingga tidak sedar waktu solat. Dapatan sub tema negatif ini sama dengan dapatan kajian oleh Samsudin (2008) yang menyatakan kekekaan remaja dengan teknologi dan media massa memberi kesan kepada kealpaan remaja untuk melaksanakan solat lima waktu. Justeru melalui dapatan kajian ini adalah penting remaja dan ibu bapa menghadkan penggunaan telefon mudah alih di rumah serta meletakkan jadual untuk menonton televisyen untuk mengelakkan anak tidak melaksanakan solat lima waktu.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, pihak berkepentingan adalah disarankan untuk mencari pendekatan dan strategi yang lebih berkesan untuk membantu memastikan remaja-remaja melaksanakan solat fardu lima waktu sehari semalam secara konsisten. Ini memandangkan pelaksanaan solat di kalangan para remaja yang ditemubual masih di tahap sederhana dan masih terdapat ramai remaja yang mengabaikan solat lima waktu walaupun mereka datangnya daripada sekolah beraliran agama. Antara cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

### **Peranan Ibu Bapa**

Ibu bapa perlu sentiasa memantau pelaksanaan solat anak-anak mereka. Sikap ibu bapa dapat menentukan sama ada anak melaksanakan solat atau tidak. Ibu bapa juga disarankan untuk menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih kukuh dengan guru-guru yang bertauliah untuk sama-sama membantu membimbing para remaja ini ke arah kehidupan yang lebih sejahtera. Ibu bapa digalakkan untuk sentiasa prihatin dengan pendidikan agama anak-anak mereka dan bertanya perkembangan anak-anak di sekolah melalui guru-guru. Ibu bapa perlu menunjukkan contoh sebagai muslim/muslimah yang baik kepada anak-anak khususnya dari sudut pelaksanaan solat yang konsisten di rumah. Ibu bapa perlu untuk sentiasa menggalakan anak-



anak solat berjemaah bersama mereka di rumah. Ibu bapa tidak seharusnya menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru-guru di sekolah kerana ibu bapa adalah sebenarnya guru utama yang patut memastikan anak-anak sentiasa konsisten dalam melaksanakan solat lima waktu sehari semalam. Ibu bapa perlu meningkatkan ilmu berkaitan kemahiran keibubapaan mengikut acuan Islam yang sebenar khususnya yang berkaitan dengan tanggungjawab mendidik anak seperti yang terkandung dalam ajaran Islam.

### **Peranan Guru-Guru dan Sekolah**

Guru-guru juga perlu memainkan peranan dalam memantapkan lagi penghayatan pelajar-pelajar tentang kepentingan solat fardhu tersebut. Mesej perlu sentiasa disampaikan kepada pelajar untuk melaksanakan solat fardhu cukup lima waktu sehari semalam dengan penuh keikhlasan dan penghayatan. Guru perlu sentiasa mengingatkan pelajar untuk melaksanakan solat kerana solat itu mampu menghalang pelajar dari terjerumus ke kancang kejahatan dan kemungkar. Setiap maklumat berkaitan solat perlu disampaikan dengan jelas dan terperinci mengikut cara yang betul agar dapat mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab para guru juga untuk sentiasa memastikan tunjuk cara yang dilakukan oleh mereka adalah betul. Golongan pendidik perlu bijak dalam mendidik remaja ketika di dalam kelas, remaja perlu dipastikan dapat menerima dengan baik apa yang mereka pelajari dan dalam masa yang sama dapat memupuk kesedaran dan pembentukan jiwa dalam diri mereka.

Kaedah pengajaran tentang ibadat termasuklah solat perlu diajar dengan kaedah yang tepat, sesuai, berkesan dan menarik supaya ia dapat difahami, dihayati dan diamalkan dengan sempurna dalam kehidupan remaja. Walaupun kaedah syarahan merupakan kaedah yang telah sekian lama digunakan, namun keadah ini perlu diubahsuai supaya ianya relevan dengan keperluan dan keadaan semasa. Penggunaan media seperti video dan televisyen boleh diperluaskan kerana ia membantu dalam penghasilan pembelajaran yang lebih baik

### **Peranan Media Massa**

Media perlu dijadikan agen pembentuk jati diri remaja di mana program dan berita media perlu dibuat secara terancang dan bersepadu. Rancangan yang sedia ada seperti 'tanah kubur', halaqah, dai' yang didapati telah berjaya sedikit sebanyak memberi kesedaran kepada remaja untuk solat wajar diteruskan. Manakala, rancangan baru yang menarik perlu direka seperti contoh *Sesame Street* yang mempunyai unsur-unsur positif yang boleh diterima oleh remaja bagi membentuk gaya hidup dan peribadi yang baik.

### **Peranan masjid**

Masjid sepatutnya bukan hanya dijadikan tempat untuk menunaikan solat semata-mata. Peranan solat perlu diperkasakan dan diperluaskan lagi seperti menambah kemudahan dan prasarana yang berkaitan antaranya dengan mewujudkan perpustakaan dengan kemudahan *wifi*. Sukan juga tidak mustahil untuk dianjurkan di Masjid bagi mendorong remaja untuk menjejakkan kaki mereka ke masjid.

## RUJUKAN

### Jurnal dan Kertas Persidangan

- Abdul Munir Ismail (2017). Inovasi dan Keceriaan di Surau-surau Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Terpilih di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Tamadun dan Warisan Islam 2017*. TAWIS 2017. 14 November 2017
- Arifin Mamat & Shukeri Mohamad (2012). Faqihan dalam membina Generasi Solat. Dibentangkan dalam *Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V*, 10-11 Disember 2012. Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.
- Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib (2009). Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1) 15-28.
- Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014). Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Komunikasi Malaysia*. Jilid 30 (Special Issue) 2014: 43-74
- Hasnan Kasan (2008). Akhlak pelajar cemerlang Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- Hydzulkifli Hashim Omar, Mohd Yazid Isa dan Noraini Yusuff (2015). Pengurusan Kewangan Dana Masjid: Satu Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *IJMS* 22 (2), 115 – 134 (2015)
- Jaffary Awang, Rozmi Ismail, Kamaruddin Salleh dan Hairunnizam Wahid (2008). Sosialisasi Agama di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Agama di Selangor. *Kertas kerja dibentangkan di National Seminar Science, Technology and Social Science* 2008 di M.S. Garden Hotel, Kuantan, Pahang
- Mohd Hamdan Haji Adnan (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Intergriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo* 2015 Vol 2. Ms 57-74
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM – SEA Journal of General Studies* II. 2010. 117-130
- Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan & Ab. Halim Tamuri (2009). Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada Kecergasan Emosi Remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1) 29-40
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Husaina Banu Khanayatullah, Saedah Abdullah, Faisol Elham, Maszuria A. Ghani, & Amalina Ayub (2017). Masalah Displin Murid Islam: Strategi dan Penyelesaian Terhadap kurikulum Pendidikan Islam. *Jurnal Hadhari* 9 (1) (2017) 91-110. ISSN 1985-6830
- Napisah Haji Humni, Haji Salehudin Haji Sabar, Mahadi Haji Khalid & Mohamed Razi Mohd Suradi (2004). Pelaksanaan Ibadah Solat Fardhu di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, Jilid 5, 2004.
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor, Abdullah Abd Ghani, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Ahmad Bashir Aziz & Nor Hanim Elias. (2015). Kepentingan Elemen Kerohanian dalam Perlaksanaan Aktiviti di MRSM Ulul Albab: Kajian Kes di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. Vol, 1: no 2 (2015) page 77-88/ gbse.com.my/ eISSN 24621714

- Norizah Aripin, Awan Ismail, Mohd Sobhi Ishak, Nik Adzrieman Abdul Rahman, Mohd Nizho Abdul Rahman, Mot Madon dan Mohd Faisal Mustaffa (2016). "YouTube" dan Generasi Muda Islam: Satu Pendekatan Kelompok Fokus dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi Malaysia* Jilid 32(1) 2016: 165-188
- Ramli Awang & Rosmaziah Abdul Kadir @ Ismail (no date). Amalan Solat Sunat di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian di Universiti Teknologi Malaysia. *Kertas Kerja Fakulti Pendidikan UTM*.
- Rina Fakhizan Mohd Sukri, Wahidah Mat Said, Razana Fatin Abdullah @ Razali & Saiful Nizam Mukhtar (2013). Solat Jumaat: Kajian Kes Dalam Kalangan Pelajar Lelaki Muslim di Kamsis Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*. Dicitak daripada <https://jtssweb.files.wordpress.com>
- Samsudin A Rahim. (2008). Media dan Konstruksi Sosial: Implikasi terhadap Isu Sosial Remaja. *Journal of youth studies*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Seri Kartini Juraimi & Fariza Md Sham (2013). Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *International Journal of Islamic Studies. Islamiyyat* 35 (1) 2013: 29-38. ISSN 0216-5636
- Sharifah Nur Abu (2012). Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak. International Seminar on Research in Islamic Studies II (ISRIS II) on the 15th - 16th February, 2012 at Kuala Lumpur.
- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain (2014). Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014* (e-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA. Organized by <http://WorldConferences.net>. ms786-797
- Siti Zaleha Ibrahim, Norziah Othman, Dr. Phayilah Yama (2016). Penghayatan dan pelaksanaan Solat Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah (IRSYAD) 2016*.
- Sohana Abdul Hamid (2016). Pengaruh Media Massa terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. E-Bangi. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue 1 (October 2016). 214-226. ISSN: 1823-884x
- Syukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. (2014). Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding of the Social Sciences Research (ICSSR) 2014*.
- Yusmimi Md Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman (2004). Kajian Tentang Maklumbalas Masyarakat terhadap Aktiviti Masjid-masjid Negeri di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. Bil 20 (2004) 201-222.
- Zainuddin Che Seman, Mohamed Yusef Niteh, Rosli Mokhtar, Abdul Hakim Abdurrahman & Wan Hakim Wan Mohd Nor (2016). Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016).
- Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*. Volume 1 Mac 2011, Pages 115-140/ISSN: 2231-735X

### Buku Rujukan/Disertasi/Tesis/Latihan Ilmiah

- Al-Quran, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran. Mushaf Malaysia Rasm Uthmani*. Diterbitkan oleh Darul Fikir dengan izin dan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Ahmad Hisham Azizan (2009). *Solat dan nilai-nilai Spritual dalam Menangani Gelisah dalam kalangan Remaja Islam: Kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor*. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Sabri Osman (2002). *Sistem Pendidikan Islam; Suatu Kajian Tentang Keberkesanan Penghayatannya di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi MARA Kampus Arau, Perlis*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Azizah Zakaria (2004). *Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek dalam Falsafah Etika al- Ghazali: Kajian di kalangan Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Unversiti Malaya.
- Azlina Muhammad (2012). *Penghuni Raudhatus Sakina: Kajian Terhadap Latar belakang dan Faktor Salah Laku*. Disertasi bagi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 2012.
- Dusuki Ahmad (2011). *Menerapkan nilai agama dan keprihatinan umat dalam filem dan drama*. Bab 6. Ms 69-80. Buku Pemerksaan Televisyen dalam mendidik Masyarakat. Penyunting Nor Hartini Saari. Penerbit IKIM.
- Fariah Hussain (2006), *Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja: Kajian di Alor Setar*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari (2015). *Kefahaman Ibadat Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka*. Tesis Sarjana Falsafah Fakuti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. 21-34/www.sainshumanika.utm.my/e-ISSN ISSN: 2289-6996. Penerbit UTM Press.
- Hilmi Ismail (2010). *Pengamalan Solat Fardhu di Kalangan Mahasiswa di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu*. Disertasi bagi ijazah Sarjana Syariah. Jabatan Fiqh dan Usul. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2010.
- Husin bin Junoh (2011). *Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2011 dicetak dari eprints.uthm.edu.my/2173/1/Husin-Junoh.pdf
- Maharudin (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi Pelaksanaan Ibadah Shalat Remaja Karang Taruna Keluhan Tangkerang Barat Kecamatan Marpoyan Damai Kota Pekan Baru Tinjauan Antara Hukum Diyani dan Hukum Qada'i*. Tesis Sarjana Hukum Islam Fakultas Syari/ah dan Ilmu Hukum Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.

- Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasni (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Penerbit UTM, Skudai Johor.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004). *Pengabaian Solat Fardhu di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekita Daerah Pasir Putih, Kelantan*. Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nur Faridah Abdullah @ Zakaria (2016). *Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga di Sekolah Rendah*. Latihan Ilmiah bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai. Julai 2016.